

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**

#### **BILANGAN 2 TAHUN 2013**

### **PINDAAN KADAR PREMIUM PEMBANGUNAN BAGI TANAH YANG DISERAH BALIK DAN DIBERIMILIK SEMULA BAGI TUJUAN PINDAHMILIK YANG MELIBATKAN PERUBAHAN JENIS HAKMILIK**


Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah jajahan negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 18/2013 yang bersidang pada 25 September 2013 telah membuat keputusan untuk meminda kadar premium pembangunan yang dikenakan ke atas pindahmilik tanah yang melibatkan perubahan jenis hakmilik melalui proses serah balik dan berimilik semula.

2. Melalui keputusan tersebut, kadar premium pembangunan bagi pindahmilik tanah yang melibatkan perubahan jenis hakmilik dipinda daripada satu peratus (1%) daripada nilai tanah semasa sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 3/2004 kepada kadar seperti berikut:

| <b><u>Nilaian Tanah Semasa</u></b>                                                | <b><u>Kadar Premium Pembangunan</u></b> |
|-----------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|
| RM 100,000.00 pertama atau kurang.                                                | 1% daripada nilai.                      |
| Mana-mana jumlah daripada baki RM 100,000.00 tetapi tidak melebihi RM 500,000.00. | 2% daripada baki tersebut.              |
| Mana-mana jumlah daripada baki seterusnya yang melebihi RM 500,000.00.            | 3% daripada baki tersebut.              |

3. Kadar di atas ditetapkan berasaskan kadar caj duti setem di bawah Akta Setem 1949 (Akta 378) yang dikenakan ke atas pindahmilik tanah melalui Borang 14A Kanun Tanah Negara 1965. Contoh pengiraan berasaskan kadar tersebut adalah sepertimana **Lampiran 1.**

4. Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta dan selaras dengan itu, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 3/2004 adalah dibatalkan pemakaiannya.



.....  
**(DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN B. TENGKU FEISSAL)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha.

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU  
KELANTAN.

FAIL : PTG.KN.16/2/11 (2)  
BERTARIKH : 17 ZULHIJJA 1434H  
22 OKTOBER 2013

**CONTOH PENGIRAAN PREMIUM PEMBANGUNAN BAGI PINDAHMILIK  
TANAH YANG MELIBATKAN PERUBAHAN JENIS HAKMILIK**

**Contoh 1:**

Nilaian Tanah :        RM 150,000.00

Oleh itu,

Premium Pembangunan yang patut dikenakan ialah:-

- |       |                            |   |                           |
|-------|----------------------------|---|---------------------------|
| (i)   | RM 100,000.00 yang pertama | = | 1% x RM 100,000.00        |
|       |                            | = | RM 1,000.00               |
| (ii)  | Baki seterusnya yang tidak | = | 2% x RM 50,000.00         |
|       | melebihi RM 500,000.00     | = | RM 1,000.00               |
| (iii) | Jumlah                     | = | (i) + (ii)                |
|       |                            | = | RM 1,000.00 + RM 1,000.00 |
|       |                            | = | <b><u>RM 2,000.00</u></b> |

**Contoh 2:**

Nilaian Tanah : RM 800,000.00

Oleh itu,

Premium Pembangunan yang patut dikenakan ialah:-

- |       |                               |   |                            |
|-------|-------------------------------|---|----------------------------|
| (i)   | RM 100,000.00 yang pertama    | = | 1% x RM 100,000.00         |
|       |                               | = | RM 1,000.00                |
| (ii)  | Baki seterusnya yang tidak    | = | 2% x RM 500,000.00         |
|       | melebihi RM 500,000.00        | = | RM 10,000.00               |
| (iii) | Baki seterusnya yang melebihi | = | 3% x RM 200,000.00         |
|       | RM 500,000.00                 | = | RM 6,000.00                |
| (iv)  | Jumlah                        | = | (i) + (ii) + (iii)         |
|       |                               | = | RM 1,000.00 + RM 10,000.00 |
|       |                               |   | + RM 6,000.00              |
|       |                               | = | <b><u>RM 17,000.00</u></b> |